

ronaalam

Kesedaran pengurusan sumber air

Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Kebangsaan beri pendedahan mengenai tugas dan peranan agensi berkaitan air di samping membentuk pelajar berwawasan serta berpengetahuan.

SUMBER air merupakan salah satu daripada keperluan asas manusia untuk menjalankan aktiviti harian.

Oleh sebab itu, ia sering mendapat perhatian banyak pihak di peringkat global bagi memastikan bekalan semula jadi itu terus mencukupi.

Pelbagai isu dan masalah berkaitan dengan air tercetus ekoran fenomena perubahan iklim. Pelbagai program kesedaran dilakukan bagi memastikan rakyat Malaysia mengetahui kepentingan air dan pengurusanannya.

Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Kebangsaan (Zon Utara) anjuran Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan salah satu inisiatif yang dilakukan bagi menyuntik kesedaran dalam diri masyarakat khususnya golongan muda.

Program yang diadakan di Kampus Tuanku Abdul Halim Mua'adzam Shah UKM, Langkawi, Kedah itu membabitkan seramai 50 orang pelajar dan guru dari beberapa buah sekolah menengah di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Pegawai Penyelidik Kanan Lestari UKM, Nik Mohd. Noor Faizul Md. Saad berkata, program yang diadakan setiap tahun itu bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman tentang status, peluang

SESI perbincangan dalam kumpulan turut diadakan bagi membincangkan mengenai isu air dan alam sekitar.



PESERTA kem khusyuk menyelesaikan tugas yang diberi.



PENGISIAN program dimanfaatkan dengan pelbagai aktiviti dan modul khas.

serta cabaran menguruskan sumber air negara.

Di samping itu, kepentingan menguruskan sumber air dengan bijak turut didedahkan untuk kesinambungan kehidupan dan kelangsungan generasi akan datang.

"Para peserta yang menyertai program ini akan didedahkan dengan konsep pengurusan sumber air bersepadu atau IWRM dan peranan agensi-agensi berkaitan air di Malaysia dalam melestarikan sumber air negara.

"Program yang diadakan kali ini agak istimewa kerana peserta juga dibawa ke Langkawi Geopark bagi memperkenalkan kawasan itu. Ia merupakan salah satu contoh terbaik kepada konsep pembangunan lestari," ujarnya.

Inisiatif anjuran bersama Program Hidrologi Antarabangsa Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (Unesco-IHP) turut mendapat kerjasama daripada Suruhanjaya Kebangsaan Unesco Malaysia (SKUM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Di samping itu, para pelajar turut didedahkan dengan pelbagai aktiviti amali daripada modul-modul yang dibentuk khusus bagi membuka mata mereka mengenai perkara berkaitan air seperti modul petunjuk biologi (*biological indicator*), perubahan iklim, pengurusan aras air dan rawatan air minum.